

siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PTN.6/76/186(PM)

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
jam 10.00 pagi, 27hb Jun, 1976

PERDANA MENTERI RESMI PERSIDANGAN PERSATUAN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, semasa meresmikan Persidangan Perwakilan Negara yang ke 51 Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada hari Ahad, 27hb Jun, 1976 jam 9.30 pagi :

Mesyuarat Tahunan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, pada hari ini, merupakan perkumpulan tahunan bekas-bekas perajurit, dari seluruh negara, perajurit yang telah memberikan sumbangan bakti mereka terhadap pertahanan negara, di masa-masa yang lalu. Saya amat sukacita dan bersyukur kerana dapat hadir bersama-sama pada pagi ini.

Di samping meresmikan mesyuarat ini, dapat pula saya berkenal dengan saudara-saudara ahli Persatuan ini. Saya inginlah mengucapkan terimakasih kepada Yang Dipertua dan ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan yang telah menjemput saya meresmikan sidang perwakilan ini.

Sepanjang ingatan saya, kali terakhir saya hadir dan meresmikan persidangan Persatuan ini ialah pada tahun 1974, iaitu sewaktu saya menjadi Timbalan Perdana Menteri dahulu. Pada hari ini, saya diberi kehormatan lagi untuk meresmikan majlis ini dan secara kebetulan juga sebagai Menteri Pertahanan.

Semenjak Persatuan ini disusun di bawah pimpinan baru, ia telah mencapai banyak kemajuan, khasnya dalam menghimpunkan tenaga bekas perajurit untuk memperbaiki nasib mereka. Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, bahawa Kerajaan adalah memberikan perhatian yang berat terhadap masalah perajurit dan 'veteran' keselamatan ini, kerana setiap tahun kita menghadapi ramai bilangan-bilangan perajurit yang bersara ataupun tamat tempoh perkhidmatan mereka dengan Pasukan Keselamatan. Sudah tentulah bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mensia-siakan perkhidmatan mereka itu kerana kebahagiaan hidup dan kemajuan negara yang kita capai pada masa ini, sebahagian besarnya adalah terletak kepada khidmat dan pengorbanan Pasukan Bersenjata itu. Oleh yang demikian, sebarang masalah yang mereka hadapi akan sentiasa diberikan layanan dan perhatian yang sewajarnya.

Semenjak saya berada di Kementerian Pertahanan, saya telah mengarahkan supaya dikaji semula skim tanggagaji perajurit, khasnya mereka yang berpangkat rendah, kerana adalah sukar bagi mereka menghadapi masalah hidup dengan pendapatan yang kecil. Pada masa ini, kajian mengenai skim tanggagaji baru itu sedang dibuat dan sementara menunggu selesai pengkajian dan juga penerimaan skim itu, Kerajaan telahpun mula memberikan imbuhan sementara kepada ahli-ahli Pasukan Bersenjata. Ini ialah untuk membolehkan mereka mendapat tambahan pendapatan bagi menghadapi cabaran hidup, di samping memberi keyakinan kepada setiap ahli untuk memberikan khidmat dan pengorbanan mereka kepada bangsa dan negara, tanpa memikirkan soal hidup dan masalah belanja keluarga. Di samping itu Kerajaan adalah juga memberikan perhatian berat terhadap masalah bekalan makanan dan juga bekalan senjata dan lain-lain kemudahan untuk Pasukan Bersenjata.

(tambahan)

Saya yakin, dengan langkah-langkah yang positif ini akan dapat membantu keupayaan dan keperwiraan perajurit kita menentang musuh dan melengkapkan mereka dengan teknik-teknik baru menghadapi keadaan peperangan yang makin kompleks.

Mengenai masalah bekas perajurit, saya percaya, perhatian yang sama beratnya telah diberikan terhadap kebajikan mereka. Bahagian Veteran di Kementerian Pertahanan adalah sentiasa diarah mengadakan rancangan yang berfaedah supaya ahli ini mendapat layanan yang sewajarnya apabila mereka tamat dari menjalankan tugas perkhidmatan. Saya tidak dapat menggariskan satu persatu mengenai rancangan yang disediakan, tetapi saya yakin bidang pertanian, bidang perusahaan dan bidang teknikal, adalah di antara bidang rancangan yang telah disusun untuk memberikan bekas-bekas perajurit dan keluarga mereka faedah daripada skim rancangan pemulihan itu. Saya yakin, dengan adanya rancangan yang tersusun oleh Persatuan ini, akan dapat menambahkan lagi usaha Kerajaan memberi layanan yang lebih berkesan terhadap bekas perajurit.

Persatuan Bekas Perajurit ini adalah di antara yang tertua di Malaysia. Saya baru sedar yang ia telah ditubuhkan 54 tahun yang lalu. Ibarat orang tua atau orang lama, tentulah banyak pengalaman. Dari ucapan Yang Dipertua tadi, kita boleh berbangga kerana ia sekarang sudah mempunyai bangunan 'pencakar langit' dan mempunyai pendapatan tetap dari bangunan itu. Saya tahu bagaimana susahnya Tan Sri Mubin bersama-sama ahli-ahli Jawatankuasa mencari derma mengumpulkan wang untuk bangunan tersebut. Semangat perjuangan mencari wang itu, mengingatkan saya tentang semangat perwira kita di medan perang dan di zaman darurat.

Sebagaimana yang saya telah dimaklumkan, semenjak daripada penubuhannya Persatuan ini telah dijalankan oleh beberapa orang bekas perajurit secara sukarela sahaja tanpa mendapat apa-apa bayaran. Hasil pendapatan hanyalah bergantung pada kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan. Saya sungguh merasa terharu dengan semangat gigih sekumpulan bekas perajurit yang mempunyai dedikasi, sanggup mengorbankan masa dan tenaga telah menjayakan usaha Persatuan ini.

Semenjak itu saya dapati pihak Persatuan telah banyak membuat kemajuan dalam menguatkan Persatuan serta membantu ahli-ahli. Pihak Persatuan sekarang sudah boleh disifatkan menjadi majikan, kerana mampu melantik kakitangan yang bergaji tetap untuk menjalankan tugas Persatuan. Saya ketahui juga bahawa dengan adanya sumber pendapatan itu, pihak Persatuan telah dapat memberikan bantuan kepada ahli-ahlinya dengan lebih banyak lagi, di dalam berbagai hidup.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Persatuan kerana kejayaan yang dicapai itu. Saya mendoakan pihak Persatuan terus maju ke hadapan, bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Saya diberitahu juga, pihak Persatuan ada mengatur berbagai projek untuk ahlinya dan saya berharap agar projek tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurnanya. Seperkara yang patut saya jelaskan ialah dalam menjalankan projek itu, mungkin banyak masalah yang timbul dan perlu dihadapi. Sifatkanlah masalah itu sebagai cabaran, bukan penghalang. Di samping itu, saya harap jangan pula kita melepaskan masalah perajurit diatasi oleh Kerajaan sahaja. Kemampuan Kerajaan sangat terbatas. Pada masa ini, bilangan bekas perajurit yang berdaftar ialah 14 ribu orang. Kalau dimasukkan anggota Tentera Wataniah, angka itu menjadi lebih 40 ribu.

Walau bagaimanapun, saya berpuas hati dengan kejayaan usaha yang dicapai oleh Kerajaan dan Persatuan. Kita semua berusaha supaya pihak Persatuan akan terus maju dan kukuh.

Seperti yang saya nyatakan, Kerajaan memanglah sentiasa mengambil berat di atas kebajikan bekas perajurit sekelian dan arah tertentu adalah sentiasa dikeluarkan, terutama dalam segi mendapatkan pekerjaan ataupun kemudahan seperti Rancangan Tanah, lesen-lesen taksi dan sebagainya. Setakat saya telah difahamkan, arahan seperti ini telah dapat menolong ramai bekas perajurit memperolehi pekerjaan dan kemudahan. Tetapi, saya sedih juga, ada berlaku keadaan di mana arahan Kerajaan tidak dilaksanakan dengan sempurna oleh beberapa jabatan Kerajaan. Saya ingin mengingatkan Jabatan Kerajaan, Separa Kerajaan dan Badan-badan Berkanun supaya mematuhi dan melaksanakan dengan sepenuhnya segala arahan Kerajaan mengenai bekas perajurit.

Di samping itu saya juga suka menegaskan kepada bekas perajurit supaya jangan pula menganggap semua keutamaan yang diberikan itu ditafsirkan bahawa segala apa yang diminta atau dikehendaki oleh mereka mesti ditunaikan oleh Kerajaan. Keutamaan di sini bermakna yang sesuatu permohonan atau permintaan itu patut diberi pertimbangan yang lebih atau diterima sekiranya syarat yang diperlukan sesuatu permintaan itu dapat dipenuhi. Dalam ertikata yang lain, apabila seseorang bekas perajurit itu hendak memohon sesuatu perkara, hendaklah ditentukan dahulu oleh bekas perajurit itu yang perkara yang dipohonkan itu adalah menasabah dan sesuai.

Seperkara lagi yang harus saya ingatkan kepada bekas perajurit sekelian, walaupun Kerajaan ada memberikan peruntukan tertentu bagi bekas perajurit memenuhi jawatan Kerajaan, tetapi jawatan kosong ini sangatlah terhad dan ianya tidak dapat mengambil kesemua bekas perajurit yang berhenti pada tiap-tiap tahun. Oleh sebab itu, berbagai latihan adalah diaturkan untuk diberikan kepada anggota tentera, sebelum mereka menamatkan perkhidmatan, supaya mereka tidak sahaja menumpukan perhatian bekerja dengan Kerajaan, tetapi boleh juga memasuki bidang-bidang yang lain. Oleh itu, saya berharap semasa di dalam tempoh latihan itu, bakal bekas anggota tentera hendaklah bersungguh-sungguh belajar bagi mendapatkan sesuatu kemahiran yang baharu yang akan membantu bagi mencerahkan lagi peluang pekerjaan mereka.

Berkenaan dengan latihan juga, beberapa kali telah ditegaskan tentang kebaikan seseorang itu mendapat latihan teknikal serta memperolehi sesuatu kemahiran bagi memudahkannya mendapat pekerjaan. Tetapi, kebanyakan bekas perajurit hanya melihat dari segi pendapatan pada masa sekarang sahaja dan suka membandingkan dengan pendapatan daripada pekerjaan seperti mengawal keselamatan dan sepeptinya. Kita haruslah mengambil perhatian pada permulaan jumlah pendapatan di dalam jawatan teknikal memanglah tidak begitu tinggi, terutama bagi orang yang baharu. Tetapi, pendapatan itu semakin lama semakin tinggi dan peluang untuk dinaikkan ke jawatan yang lebih tinggi adalah lebih cerah apabila seseorang telah mendapat pengalaman dan kemahiran yang lebih. Oleh sebab itu saya suka menasihatkan bakal dan bekas anggota tentera juga sekiranya ada peluang, patutlah mengikuti latihan-latihan teknikal untuk memperolehi sesuatu.

Saya juga telah dimaklumkan iaitu sambutan yang ditunjukkan oleh bekas perajurit terhadap penyertaan ke dalam rancangan tanah adalah amat menggalakkan. Banyak tempat yang telah diperuntukkan kepada bekas perajurit di rancangan tanah telahpun dapat dipenuhi. Namun begitu, saya juga telah mendapat aduan daripada bekas perajurit terutama dari mereka yang gagal untuk memasuki rancangan tanah kerana umur yang lebih. Perkara seperti ini terjadi kerana kebanyakan bekas perajurit menganggap bahawa kemasukan mereka ke rancangan tanah adalah merupakan 'penyelesaian terakhir' iaitu setelah gagal mencari peluang-peluang pekerjaan lain. Oleh yang demikian, kebanyakan bekas perajurit membiarkan umur mereka berlanjutan dan akhirnya melebihi had umur yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA. Dengan keadaan beginilah, permohonan mereka itu terpaksa ditolak. Oleh itu bagi mengatasi masalah seperti itu, sukalah saya memberi ingatan supaya bekas perajurit yang cenderung memasuki rancangan tanah membuat keputusan dengan segera.

(tambahan)



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

Saya juga diinfakkan, sambutan yang ditunjukkan oleh bekas perajurit terhadap rancangan tanah khas FELDA seperti di Sungai Koyan sangat menggalakkan. Berikutan daripada sambutan tersebut, Kementerian Pertahanan berusaha untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak FELDA dan Kerajaan Negeri bagi memperuntukkan kawasan rancangan tanah khas di negeri masing-masing. Saya sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju mengadakan satu kawasan tanah khas untuk bekas perajurit.

Tempoh latihan peralihan bagi bekas perajurit meliputi satu tahun. Mereka yang terpilih diminta menggunakan masa latihan dengan sepenuhnya, bagi menyesuaikan penghidupan sebagai peneroka. Saya harap anggota tentera bukan sahaja menumpukan penghidupan secara makan gaji sahaja, tetapi memasuki rancangan tanah, atau bidang pertanian, bahkan menjadi petani moden.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan adalah memberikan perhatian yang berat terhadap sektor pertanian. Usaha akan dilancarkan bagi memajukan sektor ini. Oleh yang demikian, bekas perajurit patutlah melibatkan diri dalam kegiatan ini secara besar-besaran.

Seperti yang disebutkan, Kementerian Pertahanan melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, ada menyediakan dan menguruskan kemudahan latihan peralihan, seperti kursus teknikal, vokesyenal, pertanian, perniagaan dan lain-lain.

Menyentuh mengenai latihan teknikal dan vokesyenal, bilangan peserta anggota tentera yang mengikuti latihan ini bertambah besar. Sebahagian besar mereka ditempatkan di Instituti Kemahiran seperti di Pusat Latihan Perindustrian dan Instituti Kemahiran MARA. Di samping itu, terdapat juga perajurit yang memilih mendapatkan latihan di bidang swasta. Memandangkan kepada sambutan yang sungguh menggalakkan itu, Instituti Latihan Perindustrian dan juga Instituti Kemahiran MARA akan diminta memperuntukkan tempat latihan yang lebih banyak kepada pelatih anggota tentera.

Dengan dayausaha ini, kita akan dapat melahirkan sumber tenaga kerja yang berpengalaman di bidang teknikal dan vokesyenal dari kalangan bekas perajurit. Melalui latihan tersebut, perajurit bukan sahaja mendapat sijil kemahiran untuk mendapat peluang kerja, tetapi boleh mengusahakan perusahaan sendiri. Di samping itu, saya ingin menegaskan di sini supaya perajurit pelatih akan menumpukan sepenuh minat kerana kursus tersebut, sangat berharga. Kementerian Pertahanan menyediakan masa latihan sehingga meliputi 18 bulan, dengan tujuan supaya pelatih betul-betul mahir dan mendapat pengalaman yang sempurna.

Sebelum menutup ucapan, saya ingin mengulas ucapan Yang Dipertua tadi. Usaha Persatuan memberi bantuan kepada ahli-ahli serta balu dan anak-anak di lapangan pelajaran dan lain-lain sangatlah dipuji dan patut dicontohi oleh persatuan-persatuan lain dalam bidang yang sama.

Mengenai rayuan kutipan derma Hari Pahlawan, saya percaya orangramai akan dirayu untuk memberikan sokongan dan bantuan.

Dalam hal keselamatan negara, Kerajaan sangat berterimakasih atas ikrar Persatuan untuk membantu meningkatkan usaha menjaga keselamatan. Saya tahu semangat bekas-bekas perajurit tidak akan pudar dan sentiasa menyokong Kerajaan dalam menghadapi ancaman ini. Tan Sri Hamid telah menyahut tentang perlunya keluarga perajurit yang gugur diberikan bantuan yang lain di samping wang. Perkara ini mempunyai implikasi tertentu dan Kerajaan akan memberikan perhatian dan pertimbangan dalam hal ini. Demikian juga mengenai masalah rawatan perubatan, peraturan yang berkenaan akan dikaji.

(tambahan)

PEN.6/76/186(PM)
(hubungan 5)

Banyak perkara lain yang disebut oleh Yang Dipertua seperti pembayaran pencen, asrama penuh untuk anak-anak perajurit. Semuanya saya ambil ingatan untuk diteliti oleh Kementerian Pertahanan dan pihak Kerajaan.

Bagi pihak saya, yang telah diterima menjadi ahli seumur hidup Persatuan ini, akan berusaha mencari jalan supaya kebajikan bekas perajurit diberikan perhatian sewajarnya. Di samping itu, saya juga berseru kepada semua bekas anggota Pasukan Keselamatan yang berjasa kepada tanahair, supaya sentiasa bersama-sama menghadapi keadaan keselamatan negara kita. Saudara telah banyak mempunyai pengalaman di dalam bidang ketenteraman, boleh menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan dalam menghadapi tektik jahat pihak komunis dan anasir subversif yang mengganggu ketenteraman kita.

Akhir kata, saya berharap semoga Persidangan Perwakilan Tahunan pada hari ini berjalan dengan sempurna dan menghasilkan keputusan yang bernas. Saya juga berdoa semoga Persatuan ini akan berusaha lagi di masa-masa ke hadapan ini.


Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Persidangan Perwakilan Negara Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang ke 51 dibuka dengan resminya.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
26hb Jun, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 10.00 malam)

HY/lbh





siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



11 - JUL 1976

No. Siri	200
No Penerimaan	15/76

200
15/76